

Influencer jadi sasaran baharu pembayar zakat

Kosmo 28/11/2023 M/S: 2

SHAH ALAM – Pempengaruh atau *influencer* popular di aplikasi seperti TikTok dan usahawan dalam talian yang mempunyai pendapatan tinggi kini menjadi kumpulan sasaran baharu sebagai pembayar zakat di Selangor.

Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Selangor (LZS), Mohd. Sabirin Mohd. Sarbini berkata, pempengaruh yang memenuhi syarat boleh membayar zakat mengikut jadual ditetapkan.

Menurut beliau, pihaknya buat masa ini tidak mempunyai senarai pembayar zakat dalam kalangan pempengaruh.

“Jadi kami bekerjasama dengan beberapa pempengaruh sebagai pengantara dakwah LZS kepada masyarakat.

“Apa yang penting kita ingin generasi baharu sedar kewajipan menunaikan zakat,” katanya selepas melancarkan Kempen



MOHD. SABIRIN (tiga dari kiri) pada majlis pelancaran Kempen Kongsi Rezeki dengan Zakat di Ibu Pejabat LZS, Shah Alam semalam.

Kongsi Rezeki dengan Zakat di Ibu Pejabat LZS, di sini semalam.

Mengulas mengenai kempen tersebut, Mohd. Sabirin berkata, LZS menyasarkan penambahan 12 peratus pembayar zakat baharu hasil daripada kempen yang

dilancarkan itu.

Katanya, hasil kajian mendapati sejuta pembayar zakat yang layak tidak menunaikannya.

“Data terkini bagi pembayar zakat baharu adalah kira-kira 400,000 orang sahaja.

KERATAN Kosmo! 13 Mei 2023.

“Justeru kita mengambil inisiatif seperti Kempen Zakat Online On X On khusus kepada pengeluar zakat yang membuat bayaran zakat menerusi aplikasi kita,” ujarnya.

Beliau memberitahu, pihak-

nya turut mengadakan Kempen Kongsi Rezeki Video Challenge yang terbuka kepada semua lapisan masyarakat.

“Ini adalah cara berkongsi kreativiti membuat video pendek bagi mengajak orang ramai berzakat di LZS,” katanya.

Pada Mei lalu, *Kosmo!* melaporkan, TikTok menjadi batu loncatan buat pempengaruh mengecap nikmat kemewahan pada usia muda apabila mampu menjana pendapatan sehingga RM10,000 untuk satu video selain meraih populariti hingga ditawarkan menjadi pelakon.

Kosmo! difahamkan, setiap video yang mendapat jumlah tontonan melebihi 100,000 kali akan menerima bayaran RM1,000 dan mereka yang terlibat dengan trend tersebut biasanya dalam kalangan golongan berusia antara 20 hingga 35 tahun.

